1. Apakah tujuan penubuhan organisasi bukan bermotifkan untung?

   A. Membantu golongan berkemampuan mendapatkan perkhidmatan percuma
   B. Meningkatkan penglibatan semua pihak dalam aktiviti kemasyarakatan
   C. Menyediakan premis perniagaan kepada usahawan
   D. Menawarkan produk berkualiti tinggi

2. Apakah kelebihan perniagaan milikan tunggal?

   A. Perniagaan kekal berterusan
   B. Keputusan adalah hak pemilik
   C. Cukai keuntungan dikecualikan
   D. Pemilik menanggung liabiliti terhad

3. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri suatu bentuk pemilikan perniagaan.

• Tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1965 (pindaan 1978)
• Kerjasama antara dua atau lebih individu
• Setiap ahli menggabungkan modal, kepakaran, pengalaman dan pengetahuan

   Apakah bentuk pemilikan tersebut?

   A. Koperasi
   B. Perkongsian
   C. Milikan tunggal
   D. Syarikat sendirian berhad

4. Rajah 1 berkaitan dengan prinsip suatu bentuk pemilikan perniagaan.



LIVEWORKSHEETS

Apakah Pemilikan **Q**?

A. Usaha sama
B. Perkongsian
C. Francais
D. Koperasi

5. Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan.

- Mudah ditubuhkan dan mudah diurus
- Dikenakan cukai individu
- Keputusan dibuat sepenuhnya oleh pemilik

Apakah contoh pemilikan perniagaan tersebut?

A. Prima Global Sdn. Bhd.
B. Tiga Dimensi Enterprise
C. Koperasi Belia Johor Bahru Berhad
D. Perniagaan Rahmat dan Rakan – rakan

6. Perbezaan manakah yang betul tentang Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Awam Berhad?

	Syarikat Sendirian Berhad	**Syarikat Awam Berhad**
A.	Bilangan ahli sekurang – kurangnya dua dan tiada had maksimum	Bilangan ahli antara 2 orang hingga 50 orang
B.	Saham tidak boleh diurus niaga di Bursa Malaysia	Saham boleh diurus niaga di Bursa Malaysia
C.	Pemegang saham menanggung liabiliti tidak terhad	Pemegang saham menanggung liabiliti terhad
D.	Laporan kewangan akan diumumkan kepada orang ramai	Laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang ramai

LIVEWORKSHEETS

7. Pilih pernyataan yang benar berkaitan francais.

	Francaisor	Francaisi
A.	Memiliki hak asal jenama produk	Risiko kegagalan perniagaan rendah
B.	Pengalaman berniaga tidak diperlukan	Melibatkan jenama terkenal dan jaringan luas
C.	Menyediakan khidmat latihan kepada pelanggan	Dapat mengembangkan perniagaan secara global
D.	Tiada kawalan berterusan kepada peniaga	Tiada beban cukai

8. Apakah tanggungjawab francaisi dalam perniagaan francais?

A. Membayar fi tertentu kepada francaisor
B. Melaksanakan penyelidikan produk
C. Menyediakan skim latihan pekerja
D. Melakukan promosi

9. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bentuk pemilikan perniagaan.

- Perkongsian strategik antara dua syarikat
- Perniagaan diuruskan sehingga tercapainya objektif

Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut?

A. Francais
B. Koperasi
C. Usaha sama
D. Perkogsian

10. Gambar 1 menunjukkan logo suatu bentuk pemilikan perniagaan.

LIVEWORKSHEETS



Logo Gardenia Sdn. Bhd.

Gambar 1

Antara yang berikut, yang manakah ciri pemilikan perniagaan tersebut?

I Saham syarikat diniagakan di Bursa Malaysia
II Tertakluk kepada Akta Syarikat 1965
III Ahli menanggung liabiliti terhad
IV Bilangan ahli 2 hingga 20 orang

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

11. Antara yang berikut, yang manakah menerangkan ciri – ciri koperasi?

I Ahli mempunyai kepentingan yang sama
II Modal perniagaan disumbangkan oleh syarikat korporat
III Anggota koperasi menanggung liabiliti tidak terhad
IV Setiap anggota berhak membuat keputusan

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

12. Pernyataan berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan.

LIVEWORKSHEETS

Terowong SMART di Kuala Lumpur dibina hasil gabungan syarikat dari Malaysia dengan syarikat asing.

Apakah bentuk perniagaan tersebut?

A. Francais
B. Usaha sama
C. Perkongsian
D. Syarikat senidirian berhad

13. Aktiviti manakah yang terlibat dalam sektor primer?

A. Sharmimi menjual ketam
B. Haikal menternak udang dalam kolam
C. Athirah memproses ikan dijadikan keropok
D. Luqman menghantar sayur – sayuran ke pasar

14. Rajah 2 berkaitan dengan sektor perniagaan



Rajah 2

Apakah bidang pekerjaan yang boleh dikategorikan dalam sektor **X**?

LIVEWORKSHEETS

A. Pelancongan
B. Pemasangan kereta
C. Pengangkutan awam
D. Perlombongan emas

15. Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan perkilangan berdasarkan saiz.

I	II
Jualan tahunan RM300 000 hingga kurang daripada RM15 juta.	Bilangan pekerja tetap 75 orang hingga kurang daripada 200 orang

Klasifikasi saiz manakah yang tepat?

	I	II
A.	Sederhana	Besar
B.	Kecil	Besar
C.	Kecil	Sederhana
D.	Besar	Kecil

16. Apakah faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi persekitaran perniagaan?

	Faktor Dalaman	**Faktor Luaran**
A.	Ekonomi	Undang – undang
B.	Ekologi	Pemasaran
C.	Kewangan	Gaya Pengurusan
D.	Sumber manusia	Politik

BAHAGIAN B (30 markah)

Jawab semua soalan

LIVEWORKSHEETS

1. Puan Intan memulakan sebuah perniagaan menjual jamu secara kecil-kecilan dengan menggunakan wang simpanan sendiri sebagai modal memulakan perniagaan. Puan Intan menguruskan segala urusan perniagaan dan dibantu oleh ahli keluarganya. Jelaskan proses penubuhan jenis pemilikan perniagaan yang sesuai oleh Puan Intan.

[5 markah]

2. Rujuk gambar A dan B dan jawab soalan di bawah.



Gambar A



Gambar B

a. Terangkan perbezaan antara organisasi A dan organisasi B .

(4 markah)

b. Terangkan perbezaan antara organisasi A dan organisasi B dari aspek tujuan dan sumber kewangan.

(4 markah)

3. a. Nyatakan tujuan perniagaan.

(1 markah)

b. Huraikan tujuan perniagaan. (6 markah)

LIVEWORKSHEETS

Maklumat di bawah berkaitan dengan trend persekitaran perniagaan Puan Chin dan Puan Sonam menjalankan perniagaan pengeluaran makanan segera semenjak lima tahun yang lalu di kawasan Perindustrian Pasir Gudang, Johor. Pada awal perniagaan, mereka memasarkan produk di pasar raya di sekitar Pasir Gudang sahaja. Setelah lima beroperasi, aktiviti dan operasi perniagaan mereka semakin berkembang dan keuntungan semakin berkembang.

4. a) Jelaskan jenis trend persekitaran di atas [6 Markah]

b) Terangkan dua gaya pengurusan yang mempengaruhi trend persekitaran perniagaan. [4 markah]

LIVEWORKSHEETS